



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING ICT

BIL.01/2017

PEMBELIAN PERKAKASAN ICT SECARA GERAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)

1.0 TUJUAN

1.1 Tujuan pekeling ini dikeluarkan adalah berkaitan pemakluman penetapan kadar baharu pembelian geran komputer, tempoh perolehan geran, syarat-syarat kelayakan permohonan geran dan penambahan item perkakasan ICT.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pelaksanaan pembelian perkakasan ICT secara geran ini telah dimulakan pada **1 Mac 2014** iaitu dengan hanya tertumpu kepada komputer riba sahaja. Ini adalah merujuk kepada Pekeling Naib Canselor Bil. 02 Tahun 2014 (Pembelian Komputer Riba Secara Geran dan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan IT Universiti Teknologi MARA).

2.2 Pada **1 Mei 2015**, Pekeling Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer Bil.01 Tahun 2015 (Pembelian Komputer Peribadi (Desktop) Secara Geran Universiti Teknologi MARA) telah memperjelaskan penambahan item perkakasan ICT iaitu komputer peribadi.

3.0 PELAKSANAAN

3.1 Berikut adalah beberapa pelaksanaan baru bagi pembelian komputer secara geran mengikut kelulusan Jawatankuasa berkenaan seperti berikut:

1.	Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 18/2016 bertarikh 27 Julai 2016	Jawatankuasa meluluskan kadar baharu geran komputer Universiti Teknologi MARA dari RM1,500.00 kepada RM2,000.00 untuk tempoh selama lima (5) tahun.
	Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) yang ke-201 bertarikh 7 Disember 2016	
2	Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil. 24/2016 bertarikh 21 September 2016	Jawatankuasa bersetuju meluluskan staf akademik yang berjawatan tetap tetapi belum disahkan jawatan mendapat geran bagi pembelian perkakasan ICT.
3	Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) Universiti Teknologi MARA dalam mesyuarat ke-195 pada 25 Jun 2015	Jawatankuasa bersetuju meluluskan tambahan item pembelian perkakasan IT menggunakan geran iaitu komputer tablet (<i>Tablet PC</i>).

3.2 Pindaan Dasar

Sehubungan itu, beberapa keputusan Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) ke-187 bertarikh 24 Disember 2016 telah dipinda seperti berikut:

a. Dasar Pembiayaan

Pemberian subsidi sebanyak RM2,000 akan diberikan kepada setiap staf yang berkelayakan untuk tempoh selama lima (5) tahun iaitu bersamaan RM400 setahun (fleksibiliti dalam pemberian subsidi untuk memenuhi kes-kes tertentu). Sekiranya berlaku kehilangan, pemilik akan bertanggungjawab sepenuhnya atas kehilangan tersebut. Penama tidak akan diberikan pemberian subsidi untuk tempoh selama lima (5) tahun berikutnya.

b. Dasar Pengagihan

Pengagihan perkakasan ICT hanya diberikan kepada semua pensyarah (Gred 41 dan ke atas) berjawatan tetap samada telah sah atau belum disahkan jawatan. Bagi kakitangan pentadbiran kumpulan pengurusan dan professional (Gred 41 ke atas) perlu mendapatkan kelulusan jawatankuasa dalaman ICT universiti terlebih dahulu.

c. Dasar Perolehan

Bagi tujuan pengawalan, perolehan komputer riba secara subsidi ini akan dikendalikan melalui UiTM Document Services Sdn Bhd (UDS) iaitu anak syarikat UiTM Holding Sdn Bhd. Pihak UDS akan membuat tuntutan bayaran terus daripada pihak Bendahari UiTM. Sekiranya harga komputer riba melebihi kelayakan subsidi, dicadangkan potongan gaji bulanan dibuat dengan nilai yang berpatutan (pihak UDS perlu mendapat kebenaran staf dan Pejabat Bendahari UiTM) terlebih dahulu.

d. Dasar Pemilikan

Komputer riba ini akan menjadi hak milik penuh pegawai. Penyelenggaraan akan dilakukan oleh syarikat pembekal secara terus di antara pemilik dan syarikat tanpa melibatkan pengurusan IT di UiTM.

4.0 Bersama ini dilampirkan Borang Permohonan Pembelian Perkakasan ICT Secara Geran Universiti Teknologi MARA (PPII/INFO/023) yang terkini.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta pada tarikh dikeluarkan.

6.0 PEMAKAIAN

Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.

Yang benar



PROF. IR. DR. HAJI ABDUL RAHMAN OMAR, JSM
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Dikelilingkan Kepada :

Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Dekan-Dekan Fakulti
Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil Fail : 100 – CSPI (PT.6/7/2)
Tarikh : 17 Januari 2017